



PELAJAR SM St Anthony bergambar kenangan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

43 pelajar SM St Anthony kunjungi UMSKAL

UB 23.10.13 B1

SERAMAI 43 pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Menengah St Anthony telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa, Labuan (UMSKAL), Selasa lalu.

Rombongan yang terdiri 22 pelajar lelaki dan 21 perempuan itu diketuai guru kaunseling, Veronica Peter bersama dua lagi guru, Norizan Rejab dan Isma Wana Ismail.

Veronica berkata lawatan itu diharap mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar lebih gigih sebelum memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk UMS.

Katanya lawatan itu merupakan ruang dan peluang untuk pelajar selepas menduduki PMR merasai sendiri suasana di sebuah menara gading yang tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan.

“Melalui lawatan sambil belajar itu, pelajar akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memasuki menara gading di negara ini termasuk UMS,” katanya.

Penolong Pendaftar Kanan, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Norhanizah Adnan menyampaikan taklimat mengenai pentadbiran UMS Labuan.

Manakala taklimat mengenai

Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPBI) masing-masing disampaikan oleh Penolong Pendaftar, Mas Adi Alimin dan Pensyarah PPIB, Shamim Ahmed.

Norhanizah yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, mengalu-alukan lawatan sambil belajar dari pelbagai agensi termasuk sekolah untuk mengeratkan lagi silaturahim antara kedua-dua organisasi.

Katanya melalui lawatan seumpama itu, pelajar dan guru akan mengetahui serba sedikit latar belakang UMSKAL sebagai sebuah IPTA yang terkenal di rantau ini.